



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT MERANGKAP PENERUSI
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

PROGRAM

**PROGRAM KEUSAHAWANAN WANITA
BANGKIT @KPWKM MY KASIH KAPITAL**

LOKASI / TARIKH / MASA

**AC HOTEL PENANG
5 MAC 2023 / AHAD / 3.00 PETANG**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada hadirin hadirat sekalian.

**SALUTASI
(AKAN DISEDIAKAN)**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM PERPADUAN DAN SALAM KEKELUARGAAN**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, saya diberi kekuatan, kesihatan dan kesempatan untuk bersama-sama semua dalam **Program Keusahawanan Wanita Bangkit @KPWKM di Pulau Pinang** pada petang yang berbahagia ini.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada **500 peserta** yang berada di hadapan saya ini. Saya sifatkan semua yang ada di hadapan saya ini cukup bertuah kerana berpeluang menjadi usahawan hebat dan berjaya kerana program Wanita Bangkit @KPWKM ini diilhamkan untuk membawa kaum-kaum wanita bangkit daripada kesukaran, bangun daripada rebah, dengan menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan.

3. Sehingga hari ini seramai **17,750** wanita telah menyertai program keusahawanan ini, yang telah diberikan modal perniagaan, diberikan bimbingan dan motivasi serta dihubungkan dengan perniagaan daripada mentor-mentor berpengalaman, yang juga rakan strategik Kementerian.

WANITA SEBAGAI USAHAWAN

4. Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital adalah bantuan kepada golongan wanita yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk memulakan perniagaan dengan modal kecil di dalam bidang e-dagang dan perniagaan kecil-kecilan yang tidak termasuk di bawah skim disediakan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

5. Program ini bertujuan memperkasa ekonomi kumpulan sasar khususnya wanita dengan mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan sepenuhnya.

6. Peserta MyKasih Kapital akan dinilai, dipantau dan mengikuti kursus oleh jabatan / agensi kerajaan seperti INSKEN, PERKESO serta perkongsian pengalaman dan tips daripada usahawan berjaya bagi mempersiapkan diri para peserta menceburi bidang perniagaan.

7. Seramai **500** peserta yang hadir ke Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital YKN ini menjalani kursus dan bimbingan untuk menceburkan diri dalam perusahaan.

IMPAK PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM

Hadirin sekalian,

8. Dalam jelajah lawatan kerja saya sejak menerajui KPWKM dan sebagai Pengerusi YKN, dari Januari 2023 hingga hari ini seramai **2,980** orang peserta telah menghadiri kursus Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital yang meliputi peserta dari seluruh negara. Selepas jelajah lawatan kerja saya di Zon Tengah minggu lepas, hari ini lawatan saya diteruskan ke Zon Utara pula.

9. Melalui pemantauan yang kami jalankan selepas enam (6) bulan, **daripada 14,770 peserta, 90 peratus (90%) peserta** telah meningkatkan pendapatan **daripada RM500 hingga RM1,000** sebulan, manakala 10 peratus (10%) lagi telah mendapat **peningkatan sehingga RM 3,000 sebulan.**

10. Pendekatan bimbingan dan kaunseling serta *psychoeducation* daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi meningkatkan jati diri wanita, dapat memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi. Ini penting supaya mereka dapat meningkatkan daya tahan serta memulakan kehidupan yang baru akibat hilang

punca pendapatan kesan Pandemik COVID-19, penceraihan, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup. Perkongsian daripada PSSS ini mampu melatih peserta untuk mengawal tekanan dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran perniagaan.

KOLABORASI DENGAN INDUSTRI LUAR

Hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM tidak akan mencapai matlamatnya tanpa adanya koordinasi dan kolaborasi mantap dan tersusun dengan pemain industri di luar sana. Sesi kursus yang dijalankan banyak memberi pendedahan untuk membimbing para peserta. Rakan Strategik YKN seperti PERKESO yang memberikan taklimat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Perkejaan Sendiri (SKPS) kepada para peserta, yang ada antaranya terdiri daripada kalangan suri rumah. Skim perkhidmatan ini memberi perlindungan daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga di samping menjana pendapatan keluarga dengan caruman yang dibuat.

12. Program Wanita Bangkit@KPWKM ini turut diadakan perkongsian daripada usahawan mentor yang bermula daripada suri rumah sehingga menjadi usahawan berjaya. Perkongsian pengalaman dan tips perniagaan bertujuan menyuntik semangat dan motivasi serta membantu melebarkan jaringan dalam kalangan wanita yang telah mula berniaga secara kecil-kecilan.

HARAPAN

Puan-puan sekalian,

13. Saya berharap, anda mengambil peluang Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM kerana program ini merupakan *platform* terbaik bagi mengangkat peranan hebat wanita dalam dunia keusahawanan.

14. Program Wanita Bangkit@KPWKM ini akan membantu wanita untuk keluar daripada belunggu kesusahan menjadi usahawan berjaya, dan seterusnya dapat membantu wanita lain dalam memberikan peluang pekerjaan, mengambil upah dan perniagaan kecil-kecilan.

15. Oleh itu, suka saya ingin menyeru semua yang ada pada hari ini untuk mengambil peluang ini untuk meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga supaya dapat menikmati tahap kehidupan kepada yang lebih baik pada masa hadapan.

16. Penghargaan kepada Rakan Strategik YKN yang sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan YKN dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya wanita.

Terima kasih YKN selaku penggerak utama Program Wanita Bangkit @KPWKM. Tahniah dan syabas juga kepada semua yang terlibat

sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

#####